



جابتړ حال إحوال اكلام اسلام قولواو فينخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG  
LEBUH PANTAI  
10300 PULAU PINANG



TELEFON : 04-2637200  
FAKSIMILI : 04-2502810  
<http://jaipp.penang.gov.my>

Ruj. Kami: JHEAIPP.D. 700-3/1/1 Jld.4 (30)  
Tarikh : 27 Zulhijjah 1443H  
27 Julai 2022M

Imam Besar Masjid Negeri Pulau Pinang  
Semua Pengerusi Masjid Daerah Negeri Pulau Pinang  
Semua Pengerusi Qaryah Masjid Negeri Pulau Pinang

YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato'/ Tuan,

**TEKS KHUTBAH JUMAAT JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA  
(JAKIM) BAGI BACAAN PADA 29 JULAI 2022**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa bersama-sama ini disertakan **Teks Khutbah JAKIM** bertajuk “**Segagah Khalid Al-Walid**” bersempena Hari Pahlawan Negara dan Sambutan Maal Hijrah 1444H.
3. Sehubungan dengan itu, Jabatan ini memohon kerjasama YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato'/ Tuan untuk memastikan Khatib yang bertugas membaca teks khutbah tersebut bagi bacaan pada **29 Julai 2022**. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato'/ Tuan dalam perkara ini amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHD HANIF BIN OMAR @ WAHAB)**

Pemangku Pengarah,

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang

s.k : SS Dato' Seri Mufti Pulau Pinang  
Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang  
Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**TEKS KHUTBAH ALTERNATIF  
NEGERI PULAU PINANG**

**Tajuk :**

**SEGAGAH KHALID AL-WALID**

**Tarikh Dibaca :**

**29 ZULHIJJAH 1443H/  
29 JULAI 2022M**

**Disediakan oleh :**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**

## SEGAGAH KHALID AL-WALID

22 ZULHIJAH 1443H / 22 JULAI 2022

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿ أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴾

مِنَ الْمُؤْمِنِينَ رِجَالٌ صَدَقُوا مَا عَاهَدُوا اللَّهَ عَلَيْهِ فَمِنْهُمْ مَّنْ قَضَىٰ نَحْبَهُ وَمِنْهُمْ مَّنْ

يَنْتَظِرُ وَمَا بَدَّلُوا تَبْدِيلًا ﴿٢٣﴾<sup>1</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dinaungi rahmat dan kasih sayang Allah SWT di dunia dan di akhirat. Bersedialah dengan bekalan yang secukupnya bagi diri dan ahli keluarga kita untuk menempuhi kehidupan akhirat yang kekal abadi. Bersempena Hari Pahlawan Negara dan Sambutan Maal Hijrah 1444, marilah kita hayati khutbah bertajuk: “**Segagah Khalid Al-Walid**”.

Sebelum itu, saya ingin menyeru kepada seluruh umat Islam untuk terus mengimarahkan masjid, melaksanakan amar ma'ruf dan nahi munkar serta memelihara hubungan silaturrahim. Teruslah bermunajat kepada Allah SWT agar segala ujian dan kesusahan yang kita hadapi dipermudahkan oleh Allah SWT.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Apabila disebut “pahlawan”, fikiran kita terus membayangkan tentang seseorang yang gagah dan berani. Sesungguhnya jasa dan pengorbanan para pahlawan negara yang

<sup>1</sup> Surah al-Ahzab ayat 23

bermati-matian membela dan mempertahankan kedaulatan negara tidak seharusnya dipandang ringan. Perjuangan mereka hakikatnya amat bernilai di sisi Allah SWT kerana mempertahankan maruah negara dan memelihara agama.

Di dalam masjid yang mulia ini, khatib ingin mengambil salah seorang dari sahabat Rasulullah ﷺ, tokoh pahlawan Islam yang masyhur untuk kita ambil pengajaran. Beliau ialah Khalid bin al-Walid al-Mughirah. Khalid bin al-Walid sangat dikenali kerana taktik dan strategi ketenteraannya hingga beliau antara panglima perang yang tidak pernah kalah sepanjang kariernya. Beliau memimpin pasukan perang ketika zaman Rasulullah ﷺ dan pemerintahan Abu Bakar al-Siddiq RA hingga zaman Umar al-Khattab RA. Kecekapan dan keberaniannya mengendalikan pasukan ketenteraan menyebabkan beliau digelar *Saifullah al-Maslul* (Pedang Allah Yang Terhunus).

Pada awalnya, beliau merupakan panglima tentera Kaum Kafir Quraisy. Ketika Perang Uhud, beliau telah menumpaskan beberapa orang tentera Islam. Melihat kepada keberanian dan kemampuan yang ada pada Khalid al-Walid, Rasulullah SAW pernah mengungkapkan;

*“Aku hairan kepada seorang panglima Khalid bin Walid yang gagah dan cekap, tetapi kenapa dia tidak faham dengan ajaran Allah yang aku bawa? Sekiranya Khalid bin Walid tahu dan faham dengan ajaran yang aku bawa ini, dia akan berjuang bersamaku, Khalid akan aku jadikan jururundingku yang duduk berdamping di sampingku”.*

Akhirnya, dengan hidayah Allah SWT, beliau masuk Islam pada tahun kelapan selepas berlakunya perjanjian damai antara orang Islam dengan Quraisy Mekah yang bernama Perjanjian Hudaibiyah dan beliau juga memohon maaf kepada Nabi Muhammad SAW atas tindakan beliau sebelum ini.

## **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH**

Sungguhpun Khalid al-Walid merupakan seorang panglima perang yang masyhur, namun ketika pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab, beliau telah dipecat dan digantikan dengan Abu ‘Ubaidah al-Jarrah RA. Khalifah Umar al-Khattab mengambil tindakan sedemikian antaranya bagi memelihara akidah dan keyakinan umat Islam

ketika itu agar tidak terlalu bergantung harap kepada Khalid bin al-Walid sebagai panglima tentera untuk mencapai kemenangan dalam peperangan. Sebagai umat Islam, segala kebergantungan mesti disandarkan kepada Allah SWT dan bukanlah kepada makhluk. Kemenangan yang dicapai dalam setiap peperangan merupakan dengan izin dan pertolongan Allah SWT jua. Inilah yang ingin diterapkan oleh khalifah ke dalam jiwa umat Islam ketika itu.

Sesuatu yang mesti menjadi teladan dan ikutan kepada kita melalui peristiwa ini ialah keterbukaan Khalid bin al-Walid menerima pemecatannya walaupun ketika itu beliau sedang menyusun strategi ketenteraan bagi menakluki Parsi. Beliau juga tetap komited dengan tanggungjawabnya dan tidak membuat sebarang protes atau merajuk dengan tindakan khalifah. Beliau tetap taat dan patuh dengan arahan yang diterima dan tenang menerimanya. Beliau menerima dengan hati yang ikhlas kerana Allah SWT dan kepatuhannya kepada ketua negara. Inilah sifat dan keperibadian Khalid bin al-Walid yang mengagumkan kita semua dan patut dicontohi.

Khalid juga dikenali sebagai penakluk yang paling agung dalam sejarah Islam. Beliau telah menyertai lebih 50 peperangan sejak memeluk Islam dan tidak pernah tewas. Sejarahnya begitu panjang, namun apa yang khatib dapat nyatakan bahawa beliau telah berjaya membuka Iraq dan Syam dengan mengambil masa hanya dalam setahun.

#### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

*Ketika tiba waktu kematiannya, Khalid bin Walid berkata; "Aku telah menyertai 100 peperangan atau lebih kurang demikian. Tidak ada satu jengkal pun di tubuhku, kecuali terdapat bekas luka pukulan pedang, hujaman tombak, atau tusukan anak panah. Namun lihatlah aku sekarang, akan wafat di atas tempat tidurku. Maka, janganlah mata ini terpejam (wafat) sebagaimana terpejamnya mata orang-orang penakut. Tidak ada suatu amalan yang paling aku harapkan daripada laa ilaaha illallaah, dan aku terus menjaga kalimat tersebut (tidak melakukan syirik)".*

Pada tanggal 18 Ramadhan 21H, Khalid bin al-Walid pun meninggal dunia ketika usianya 55 tahun. Pemergiannya meninggalkan legasi yang sangat besar terhadap perluasan wilayah Islam. Saidina Umar bin al-Khattab sangat bersedih dengan

pemergian Sang Pedang Allah Yang Terhunuh. Malah senjata dan kuda tunggangan Khalid al-Walid didermakan untuk berjihad pada jalan Allah SWT. Semoga Allah SWT meredhaimu wahai Khalid al-Walid, mengampuni kesalahanmu, dan kita semua dapat bertemu di syurga Allah SWT yang penuh indah.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Perkara kedua yang ingin disentuh dalam khutbah kali ini iaitu mengenai Tahun Baharu Hijrah 1444 yang akan masuk mulai esok. Daripada catatan perjalanan hijrah Rasulullah SAW, kita seharusnya mengambil nilai kepahlawanan dalam memperjuangkan maruah agama, bangsa dan negara. Sifat-sifat yang telah disebut tadi – seperti sabar, berani, tegas dan lain-lain lagi – merupakan kunci utama yang mesti dipegang.

Rasulullah SAW dan para sahabat merupakan contoh terbaik dalam kita menawan semangat pahlawan apabila mereka semua telah mengorbankan seluruh jiwa dan raga mereka menyebarkan ajaran Islam hingga ia sampai kepada kita pada hari ini. Salah satu buktinya ialah melalui peristiwa hijrah dari Makkah al-Mukarramah ke Madinah al-Munawwarah. Pelbagai peristiwa yang berlaku terakam dalam banyak catatan sejarah patut menjadi teladan dan pengajaran dalam menghadapi kehidupan dunia yang semakin mencabar.

Hijrah - dalam konteks hari ini ialah berusaha untuk mengubah diri menjadi individu yang lebih baik dan bermanfaat kepada orang lain. Masing-masing dalam ruang lingkup tugas tersendiri bertanggungjawab memastikan hubungan sesama anggota masyarakat berjalan atas prinsip keterangkuman, kebersamaan, dan kesyukuran sepertimana yang ditekankan dalam konsep Keluarga Malaysia. Nilai-nilai inilah menjadi pemangkin kepada kemakmuran negara bertepatan juga dengan tema Sambutan Maal Hijrah pada tahun 1444H iaitu: **“Keluarga Malaysia Pemangkin Kemakmuran”**.

Sebagai penutup kepada khutbah hari ini, saya ingin merumuskan khutbah kepada beberapa intipati penting untuk panduan bersama:

**Pertama:** Kepahlawanan merupakan sifat terpuji bertepatan dengan matlamat menjaga agama, maruah, bangsa dan negara. Justeru, perjuangan para pahlawan

negara yang terdiri daripada tentera, polis dan lain-lain, juga atas dokongan para ulama dalam membebaskan agama, bangsa dan tanah air dari dijajah mesti dihargai dan disyukuri.

**Kedua:** Keberanian, kesetiaan, dan keikhlasan Khalid bin al-Walid patut menjadi contoh dalam menerapkan semangat kepahlawanan dalam diri.

**Ketiga:** Perjuangan Rasulullah SAW dan para sahabat yang tercatat dalam peristiwa hijrah merupakan teladan dan pengajaran yang baik untuk kita membentuk sebuah Keluarga Malaysia yang memangkin kemakmuran negara.

Renungkan firman Allah SWT dalam Surah al-Nisaa' ayat 100:

﴿وَمَنْ يُهَاجِرْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يَجِدْ فِي الْأَرْضِ مُرَاعِمًا كَثِيرًا وَسَعَةً وَمَنْ يَخْرُجْ مِنْ بَيْتِهِ

مُهَاجِرًا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ يُدْرِكُهُ الْمَوْتُ فَقَدْ وَقَعَ أَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا

رَحِيمًا ﴿١٠٠﴾

**Maksudnya:** “Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah (untuk membela dan menegakkan Islam), nescaya dia akan dapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang makmur; dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian dia mati (dalam perjalanan), maka sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## خطبة كدوا بولن جولاي

2022M/ 1443H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى الْآلِيهِ وَاحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَى تَوْفِيْقِهِ وَامْتِنَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى رِضْوَانِهِ.  
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبُّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ -  
عَلِيمًا حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾  
[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدٍ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،  
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَن آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ آمِنًا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أَيْمَتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزَرَءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا.  
اللَّهُمَّ وَفِّقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيْعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ  
صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيْقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-  
Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah



Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَكذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرِّبَا وَالرِّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf.*

*Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami, pemuda-pemuda kami, pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara.*

*Ya Allah! Kau hindarilah kami daripada perbuatan-perbuatan khianat dan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara.*

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ يَذْكُرْكُمْ،  
وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿١٠٢﴾